



KENYATAAN MEDIA

MATLAMAT PENUBUHAN UITM PERLU DIKEKALKAN

Matlamat asal penubuhan Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai sebuah universiti khusus untuk menjaga kepentingan pelajar Bumiputera harus kekal dan tidak wajar diganggu gugat oleh mana-mana pihak.

Agenda UiTM untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Bumiputera dalam bidang pendidikan tinggi dan profesional adalah sebahagian daripada mercu tanda pendidikan negara dan ianya harus dikekalkan keasliannya.

Polemik yang cuba dicetuskan oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab dengan melabelkan UiTM sebagai "akademi apartheid" adalah tidak perlu kerana Malaysia mempunyai jumlah institusi pengajian tinggi yang mencukupi untuk semua kaum.

Jumlah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini mampu menampung pelajar daripada semua kaum termasuk bukan Bumiputera.

Justeru, Wanita UMNO Malaysia meminta seluruh rakyat Malaysia menggunakan hak kebebasan bersuara secara bertanggungjawab dan berhenti mempersenda perihal agama, bangsa dan keturunan sehingga menjejaskan keharmonian kaum di negara ini.

DR. NORAINI AHMAD

Ketua Wanita UMNO Malaysia

23 MEI 2024